

**POLISI PENGGUNAAN GELANGGANG SUKAN  
TERBUKA–TERTUTUP–BERBUMBUNG DI KOMPLEKS SUKAN UMP**

1. Kelulusan penggunaan gelanggang sukan terbuka dan tertutup di Kompleks Sukan Universiti adalah dibawah bidang kuasa Ketua Pusat Sukan/ Pegawai Belia & Sukan yang bertanggungjawab.
2. Keutamaan penggunaan gelanggang sukan terbuka dan tertutup di Kompleks Sukan Universiti adalah kepada aktiviti-aktiviti sukan pelajar dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP).
3. Polisi ini akan digunapakai di semua kemudahan gelanggang sukan terbuka dan tertutup Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang dan Pekan.
4. Tempahan penggunaan gelanggang sukan terbuka dan tertutup di Kompleks Sukan Universiti hendaklah:-
  - 4.1 Penganjuran kejohanan; dimohon melalui surat rasmi yang disokong oleh penasihat kelab/persatuan kepada Ketua Pusat Sukan/ Pegawai Belia & Sukan yang bertanggungjawab selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum aktiviti dijalankan dan disertakan salinan kelulusan menjalankan aktiviti daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA).
  - 4.2 Penggunaan harian; pengguna perlu berurusan dan membuat bayaran di Kaunter Kemudahan Sukan, Kompleks Sukan Universiti pada hari penggunaan kemudahan sukan tersebut.
5. Semua kemudahan sukan terbuka boleh digunakan secara percuma oleh pelajar dan staf UMP sekiranya tiada tempahan penggunaan. Semua kemudahan sukan tersebut hendaklah digunakan seperti yang telah dikhaskan.
6. Pemasangan peralatan/khemah/kanopi diatas padang dan gelanggang adalah tidak dibenarkan bagi mengelakkan kerosakan permukaannya.
7. Penganjur/ pengguna hendaklah mematuhi Etika Berpakaian Sukan (merujuk kepada Akta Universiti) ketika berada di kawasan Kompleks Sukan UMP serta wajib berpakaian sukan dan berkasut sukan semasa melakukan aktiviti.
8. Pusat Sukan hanya menyediakan kemudahan asas sukan seperti gelanggang, tiang gol dan jaring sahaja. Keperluan tambahan seperti meja, kerusi, audio sistem dan lain-lain adalah tanggungjawab dan kos ditanggung oleh penganjur.
9. Penganjur/ pengguna hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebersihan Dewan Kompleks Sukan Universiti sebelum, semasa dan selepas penggunaan.
10. Langkah-langkah keselamatan perlu diutamakan oleh penganjur/ pengguna. Pihak Pusat Sukan dan Universiti Malaysia Pahang tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang kecederaan atau kemalangan atau kematian sebelum, semasa dan selepas menggunakan kemudahan universiti.
11. Pihak Pusat Sukan berhak membatalkan pemohonan yang telah diluluskan tanpa pemakluman awal sekiranya terdapat program/aktiviti Rasmi Universiti/ Kementerian yang perlu diutamakan.
12. Universiti adalah Kawasan Larangan Merokok dan pihak Keselamatan UMP berhak untuk menghalang dan mendenda pengguna terbabit.
13. Pusat Sukan berhak untuk menghalang dan tidak membenarkan mana-mana penganjur/ pengguna yang melanggar polisi ini untuk menggunakan Dewan Kompleks Sukan UMP pada masa akan datang selama dua (2) tahun dan kos-kos baikpulih kerosakan akan dikenakan kepada penganjur.